

# Gah!

Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

Dua mahasiswa kursus ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk (Reka Bentuk Perhubungan) dari SIM-RMIT menitikberatkan pengaruh idola kreatif dalam mencetuskan inspirasi karya. Mereka berkongsi bagaimana semangat mereka menyala mencipta karya bagi pertunjukan '46 Ways' di The Substation, hari ini dan esok.

Wartawan

**HARYANI ISMAIL**(haryani@sph.com.sg)  
melaporkan.

## Didorong belajar ilmu baru

Di RP dulu, beliau terdedah kepada bermacam kemahiran seperti menyiapkan rekaan laman Internet dan pengkodan komputer.

Tanpa melupakan kecenderungan mendalam terhadap dunia seni bunyian dan pencahayaan, anak sulung dalam keluarga dua beradik itu juga terlibat dalam kerja belakang tabir *Pesta Muzik Ignite!* di RP.

Dalam menjalankan beberapa tugas sambil menyelia bunyian bagi beberapa acara muzik, beliau melihat jurutera bunyian mapan Roy Nezal sebagai pembimbing yang dihormati.

Encik Muhammad Syahin menambah bahawa pelajar kursus reka bentuk seperti memerlukan penjenamaan dan identiti rekaan sendiri.

"Seperkara lagi, kita perlu memperlus rangkaian kenalan dengan mereka yang sudah ada nama atau mapan dalam bidang kreatif.

"Saya melihat Abang Roy sebagai pendorong utama bagi saya teruskan minat dalam bidang kejuruteraan bunyian. Ini disebabkan beliau bermula dalam bidang ini pada usia melepasi 40 tahun.

"Kerja keras Abang Roy tanpa sebarang latar belakang atau pengalaman dalam bidang bunyian nampaknya berbaloi. Beliau bersikap terbuka mempelajari ilmu baru.

"Pengetahuannya tentang dunia teknologi maklumat, perubatan, psikologi dan agama Islam juga membuka minda saya," kongsinya.

Dalam menghasilkan projek seni reka penjenamaan bagi restoran Melayu dalam *46 Ways*, beliau menekankan kajian tentang budaya Me-




**ENCIK ROY NEZAL:** Jurutera bunyian ini sumber dorongan Encik Syahin (gambar kanan) agar terus menimba ilmu baru.

layu dan konsep 'makan berdamai' atas tikar yang akan menarik lebih ramai pelancong bukan Melayu ke Gillman Barracks.

Pengamatan tentang muzik dunia dan irama santai yang sesuai diketengahkan di tepian pantai juga perlu bagi memikirkan konsep rekaan bagi pesta muzik berkenaan.

"Makanan dan muzik akan menyatukan ramai tanpa mengira budaya.

"Nilai seperti penyatuan manusia, saling menghormati dan gotong-royong dalam dunia tanpa sempadan budaya inilah yang saya anggap penting dan wajar diterapkan dalam rekaan saya," ujarnya, yang turut menawarkan khidmat pengendalian bunyi bagi ceramah atau acara lain di masjid.



**BANGUN IDENTITI REKAAN:** Encik Muhammad Syahin Samsudin tekankan kajian dan penjenamaan dalam setiap rekaannya. – Foto BH oleh HARYANI ISMAIL

ENCIK Muhammad Syahin Samsudin tidak pernah menyifatkan dirinya sebagai pemuda berdaya kreatif yang mampu menyumbang kepada masyarakat seni dulu.

Beliau hanya mengemari muzik dan melakukan kerja belakang tabir dalam bidang kejuruteraan bunyian dan pencahayaan pentas.

Tugas sebegitu, yang memerlukan ketelitian dalam suasana santai, membolehkannya meninjau budaya kerja bakat seni berpengalaman seperti Papa Rok Datuk Ramli Sarip.

Sungguhpun tidak meneruskan rancangan awal mengambil kursus bunyian di Politeknik Republic (RP), Encik Muhammad Syahin, kini 24 tahun, bersyukur ditawarkan mengikuti kursus Diploma Media Interaktif dan Digital.

Kini, beliau siswa tahun akhir kursus reka bentuk perhubungan di kampus SIM-RMIT.

Beliau antara 46 siswa tahun akhir kursus itu yang terlibat dalam pertunjukan rekaan *46 Ways* di The Substation hari ini dan esok.

Projeknya meliputi penjenamaan restoran makanan kampung di hab seni terpencil Gillman Barracks.

Sebelum ini, beliau juga mengusahakan rekaan jenama bagi pesta muzik di tepian pantai.

Ketika ditemui *Gah!* di pejabat *Berita Harian* baru-baru ini, Encik Muhammad Syahin berkata beliau seperti mendambakan pelbagai kemahiran yang akan memperkaya pengalaman seni mereka.